


## Hukum Normalisasi Hubungan Diplomatik dengan Israel Menurut *Siyasah Shar'iyah* *The Legality of Normalizing Diplomatic Relations with Israel According to Siyasah Shar'iyah*

Mohamad Ridhuan bin Mohd Zawawi , Anwar Fakhri bin Omar

Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

### ABSTRAK

*Ketegangan yang berlaku di Timur Tengah di antara Palestin dan Israel semakin hari semakin tegang dan belum menampakkan tanda-tanda penyelesaian walaupun telah berlaku selama beberapa dekad. Tambahan pula, negara-negara Arab yang dahulunya bersungguh-sungguh berjuang menentang Israel kini mula mengubah haluan perjuangan mereka dengan menormalisasi hubungan diplomatik dengan negara Yahudi tersebut. Justeru timbulnya persoalan iaitu apakah hukum normalisasi hubungan diplomatik dengan Israel menurut siyasah shar'iyah? Oleh itu, objektif artikel ini adalah untuk mengenal pasti hukum normalisasi hubungan diplomatik dengan Israel menurut siyasah shar'iyah. Kajian ini adalah kajian kualitatif dengan pendekatan kajian kes. Pengumpulan data bagi kajian ini adalah melalui analisis dokumen. Hasil kajian mendapati bahawa negara-negara Islam yang mempunyai kemaslahatan dan kepentingan terhadap negara dan rakyatnya melalui tindakan normalisasi ini dibolehkan untuk melakukannya dan tidak bercanggah dengan konsep siyasah shar'iyah. Namun begitu, hubungan tersebut mestilah bukan untuk selamalamanya dan bukan juga pada perkara-perkara yang mungkar.*

### KATA KUNCI

*Timur Tengah, Normalisasi, Diplomatik, Israel, Siyasah Shar'iyah*

### ABSTRACT

*The ongoing tensions in the Middle East, particularly between Palestine and Israel, continue to escalate without any evident signs of resolution, despite persisting for several decades. Furthermore, numerous Arab nations, which previously staunchly opposed Israel, are now shifting their stance by normalizing diplomatic relations with the Jewish state. This development raises a critical question: what is the legal standing of normalizing diplomatic relations with Israel according to Siyasah Shar'iyah? Therefore, the objective of this article is to ascertain the legality of this normalization within the framework of Siyasah Shar'iyah. This study employs a qualitative methodology with a case study approach. Data collection for this research is conducted through document analysis. The findings suggest that some Islamic nations, which perceive normalization as beneficial and in the interest of their state and citizens, are permitted to engage in such actions without contravening the principles of Siyasah Shar'iyah. However, such relations should not be perpetual and must not encompass actions deemed reprehensible.*

### KEYWORDS

*Middle East, Normalization, Diplomatic, Israel, Siyasah Shar'iyah.*

### Article History

Received: May 15, 2023

Revised: June 22, 2023

Accepted: July 24, 2023

Published: December 15, 2023

### Contact

Mohamad Ridhuan bin Mohd Zawawi (Corresponding Author)  
[ridhuanzawawi97@gmail.com](mailto:ridhuanzawawi97@gmail.com)

### Citation

Mohamad Ridhuan bin Mohd Zawawi, Anwar Fakhri bin Omar. 2023 Hukum Normalisasi Hubungan Diplomatik dengan Israel Menurut Siyasah Shar'iyah. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 8(2): 10-18.

### Copyright

© 2023 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-NonCommercial 4.0 International License.

(<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

### PENDAHULUAN

Islam adalah agama yang syumul yang meliputi seluruh aspek kehidupan bukan sahaja merangkumi hubungan dengan Sang Pencipta malah terkandung

juga hubungan sesama manusia tidak kira mukmin atau kafir. Islam dan realiti semasa saling berkaitan antara satu sama lain dan tidak boleh dipisahkan kerana pengaplikasian sesuatu hukum itu bergantung kepada keadaan semasa. Menurut Muhammad Zaidi & Raja Hisyamudin (2008), kefahaman terhadap

sesuatu nas atau objektif syarak semata-mata tanpa mengambil kira realiti semasa yang berlaku menghasilkan keputusan hukum yang kurang tepat. Walaupun pada asalnya segala asas-asas hukum terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah, tidak dinafikan juga banyak prinsip yang terdapat dalam keduanya yang menganjurkan untuk melihat kepada realiti hidup semasa.

Krisis peperangan dan perebutan tanah antara Palestin dan Israel merupakan antara krisis yang paling lama berlaku dalam sejarah dunia moden pada hari ini. Krisis yang berlaku di Timur Tengah ini belum menampakkan tanda-tanda penyelesaian walaupun telah berlaku selama beberapa dekad. Krisis yang sangat rumit ini berpunca daripada penubuhan negara haram Israel di atas tanah penduduk Palestin dan di tengah-tengah negara Arab yang majoritinya beragama Islam di samping pelbagai faktor lainnya. Ketidakstabilan dan kekacauan sering menghantui pihak-pihak yang bertelagah sehingga membawa kepada beberapa siri peperangan. Menurut Masyrofah (2015), konflik yang berlaku ini pada dasarnya berkaitan dua isu pokok iaitu hak rakyat Palestin untuk mendirikan negara yang merdeka di atas tanah air mereka dan hak bangsa Yahudi untuk mendirikan negara Israel dan hidup dengan tenteram dengan jiran Arabnya.

Namun begitu, sejak kebelakangan ini dunia telah mula menyaksikan banyak negara-negara Arab yang dahulunya sangat memusuhi Israel dan sanggup berperang melawan Israel mula menormalisasi hubungan diplomatik dengannya walaupun menerima pelbagai kecaman dan kritikan daripada umat Islam seluruh dunia. Tahun 2020 merupakan tahun yang suram bagi dunia Islam apabila empat negara Islam iaitu UAE, Bahrain, Sudan dan Moroko menormalisasikan hubungan dengan Israel. Terjadinya normalisasi ini tidak lain tidak bukan adalah disebabkan kepentingan politik Amerika Syarikat di Timur Tengah. Donald Trump, Presiden Amerika Syarikat memainkan peranan yang sangat besar dalam menjayakan normalisasi ini sehinggakan beliau mendakwa bahawa normalisasi yang diketengahkan oleh Amerika Syarikat ini adalah sebagai kesepakatan politik yang terhebat pada abad ini (Yulia Rimapradesi & Ahmad Sahide 2021). Menurut Anna Zakiah & Toni (2022) pula, kehadiran Trump dalam normalisasi ini tidak terlepas daripada adanya kepentingan menjelang pilihan raya presiden. Trump yang masih menginginkan jawatan presiden tersebut sedang berusaha untuk menaikkan dirinya di mata rakyat Amerika Syarikat khususnya mereka yang menyokong politik Trump di Timur Tengah.

Justeru, tindakan negara-negara Islam tersebut yang telah menormalisasi hubungan dengan Israel telah menimbulkan persoalan iaitu apakah hukum normalisasi hubungan dengan Israel menurut *siyasah shar'iyah*? Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti hukum normalisasi hubungan diplomatik dengan Israel menurut *siyasah shar'iyah*. Kajian ini adalah kajian

kualitatif yang bersifat kajian kes. Dalam mendapatkan data dan maklumat, pengkaji menggunakan kaedah analisis dokumen daripada dokumen-dokumen rasmi, laman web yang berkaitan dan sebagainya.

## SEJARAH KEWUJUDAN NEGARA HARAM ISRAEL

Berdasarkan catatan sejarah, Palestin telah dihuni oleh kaum Kan'an sejak ribuan tahun yang kemudiannya dimiliki oleh kaum Arab Palestin (Zulkifli & Fatimah 2009). Malahan al-Quran sendiri telah menjelaskan bahawa bumi Palestin adalah milik umat Islam dengan perutusan para nabi dan rasul kepada kaum-kaum yang terdapat di sekitarnya. Semua para utusan yang hidup di tanah tersebut adalah umat Islam. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT (al-Quran, Ali-Imran 3:67) yang menafikan bahawa nabi Ibrahim itu adalah Yahudi mahupun Kristian:

مَا كَانَ إِبْرَاهِيمَ يَهُودِيًّا وَلَا نَصْرَانِيًّا وَلَكِنْ كَانَ حَنِيفًا  
مُسْلِمًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ

Maksudnya: "Bukanlah Nabi Ibrahim itu seorang pemeluk agama Yahudi, dan bukanlah ia seorang pemeluk agama Kristian, tetapi ia seorang yang tetap di atas dasar Tauhid sebagai seorang Muslim yang taat dan berserah bulat-bulat kepada Allah, dan ia pula bukanlah dari orang-orang musyrik."

Keterkaitan bumi Palestin dengan Islam bermula sejak peristiwa Israk dan Mikraj Nabi SAW apabila bumi ini menjadi tempat persinggahan Nabi Muhammad SAW sebelum naik ke langit untuk bertemu dengan Allah SWT. Selain itu, pembukaan Baitul Maqdis oleh Saidina 'Umar ibn al-Khattab serta perjanjian dengan paderi Syarafniyus iaitu paderi besar Kota al-Quds pada tahun 16 hijrah yang tidak membenarkan kaum Yahudi menetap di situ menguatkan lagi keterkaitan bumi Palestin ini dengan umat Islam (Zulkifli 2018).

Berdekad-dekad lamanya kaum Yahudi bertaburan di atas muka bumi ini di pelbagai negara seperti Eropah, Afrika, Asia dan Amerika tanpa adanya sebuah negara dan ada di antara mereka yang dizalimi oleh bangsa-bangsa setempat. Di Eropah, mereka dipinggir dan dihina serta ditindas. Buktinya, beratus ribu orang Yahudi dibunuh oleh tentera salib di Eropah selepas Jerusalem ditawan pada 15 Julai 1099 Masihi semasa Perang Salib. Di Sepanyol pula, mereka dilarang sama sekali untuk memiliki rumah dan tanah dan tidak dibenarkan berdagang serta berjual beli, manakala di England mereka menjadi mangsa kekejaman golongan bangsawan semasa pemerintahan Raja John Lackland serta harta kekayaan mereka dirampas oleh Exchequer (Sabaruddin 2010). Kekejaman dan penindasan kaum-kaum lain terhadap kaum Yahudi ini mencapai kemuncaknya pada Perang Dunia ke-2 apabila mereka dibunuh dan disembelih secara beramai-ramai oleh

regim Nazi Jerman yang dikenali sebagai peristiwa *Holocaust* (Zainur 2009).

Justeru, sejarah hitam mereka yang panjang inilah mendorong mereka untuk mendirikan sebuah negara Yahudi walaupun terpaksa mengambil hak orang lain. Selain itu, gagasan untuk mengembalikan kaum Yahudi ke tanah yang dijanjikan iaitu Palestin sering dilaungkan di Eropah. Mereka beranggapan bahawa sudah sampai masanya untuk bangsa Yahudi pulang ke tanah asal mereka kerana sudah dekatnya kemunculan *al-Masih*. Bahkan di Amerika juga, gagasan yang mengaitkan bangsa Yahudi dengan keagamaan sering dilaungkan (Muhamad Syakir 2014). Faktor-faktor inilah yang membawa kepada penghijrahan beramai-ramai orang Yahudi daripada seluruh pelosok dunia ke bumi Palestin.

Gerakan Zionis Yahudi bermula secara rasmi pada tahun 1897 di Basle, Switzerland dengan Theodor Herzl sebagai Presidennya. Matlamat utama pertubuhan ini adalah untuk menyatukan kaum-kaum Yahudi yang sejak sekian lama terpisah dan seterusnya menubuhkan sebuah negara. Ini jelas sebagaimana yang disebutkan dalam kongres mereka "*to establish for Jews a publicly and legally assured home in Palestin*" iaitu untuk menubuhkan bagi kaum Yahudi sebuah negara yang sah secara umum dan legal di Palestin (Hafidzi 2006). Pelbagai usaha telah dilakukan oleh Gerakan Zionis ini untuk mendapatkan tanah di bumi Palestin. Mereka meletakkan matlamat yang satu dengan menghalalkan pelbagai cara dan inilah yang disepakati sejak hari pertama Gerakan Zionis ini ditubuhkan (Maszlee 2006). Namun, ketegasan Sultan Abdul Hamid untuk tidak menjual tanah Palestin kepada Yahudi menjadi penghalang kepada matlamat mereka. Malangnya apabila Khilafah Uthmaniah jatuh, Palestin diletakkan di bawah kekuasaan British dan peluang gerakan ini untuk membina negara Yahudi di Palestin semakin cerah.

Selepas kejatuhan Khilafah Uthmaniah dan kekalahan Jerman dalam Perang Dunia Pertama, negara-negara yang dahulunya berada di bawah pemerintahan Turki Uthmaniah dan Jerman mula diagihkan dan dipecahkan melalui sistem *mandate* yang dibentuk pada tahun 1919 di bawah pengawasan Liga Bangsa-Bangsa (*League of Nations*). Palestin dan Iraq diletakkan di bawah mandat British manakala Syria diletakkan di bawah mandat Perancis (Hafidzi 2006). Negara-negara tersebut ditadbir secara langsung oleh negara-negara yang diberi mandat. Apabila British berjaya menguasai Palestin, mereka mengeluarkan satu deklarasi yang dikenali sebagai *Deklarasi Balfour* pada tahun 1917. Menurut Muhamad Syakir (2014), deklarasi ini merupakan pukulan berat kepada bangsa Arab dan gerakan kontemporari mereka kerana British benar-benar ingin memberikan tanah Palestin kepada Yahudi. Deklarasi ini telah membuka pintu kepada penghijrahan beramai-ramai kaum Yahudi daripada seluruh pelosok dunia. Mereka memasuki Palestin dan seterusnya membina penempatan dan mewujudkan institusi-

institusi penting seperti institusi pendidikan, persatuan dan sebagainya. Malah, dasar British yang menyisihkan penduduk tempatan terutama dalam sistem pentadbiran telah menjadikan kaum Yahudi semakin kuat di Palestin.

Menurut Mohd Roslan dan Abdul Qayyum (2018), penduduk Yahudi telah meningkat kepada 384,000 pada tahun 1936 iaitu hampir 30% daripada penduduk Palestin. Hal ini menimbulkan rasa tidak puas hati penduduk tempatan sehingga membawa kepada pelbagai konflik. Namun, bantahan demi bantahan daripada rakyat Palestin tidak memberi kesan kepada British dan Yahudi. Sedikit demi sedikit tanah penduduk Palestin diambil secara paksa dan salah. Setelah hampir 30 tahun di bawah pemerintahan British, akhirnya pada Mei 1948 mereka berjaya mengisytiharkan berdirinya negara Israel di bumi Palestin yang dirampas. Pengisytiharan ini merupakan detik hitam dalam sejarah moden umat Islam selepas kejatuhan sistem khilafah.

#### NEGARA-NEGARA ISLAM YANG MENORMALISASIKAN HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN ISRAEL

Kekejaman dan kezaliman tentera Israel telah mengheret mereka ke kancang peperangan dengan masyarakat Arab. Pada awal penubuhan negara haram Israel pada 1948 banyak menyaksikan penentangan demi penentangan negara-negara Arab serantau terhadap penubuhan negara haram tersebut sehingga membawa kepada beberapa siri peperangan seperti Perang 1948, Peperangan Suez 1956, Perang Enam Hari 1967 dan Perang Yom Kippur 1973 (Maszlee 2006). Walaupun beberapa kali umat Islam berperang dengan Israel, namun tentera Islam masih belum dapat membebaskan Palestin dan menewaskan Israel serta turut mengalami kerugian yang sangat besar dalam beberapa siri peperangan tersebut berbanding dengan pihak musuh (Sabaruddin 2012).

Namun pada penghujung tahun 90-an, situasi politik di Timur Tengah sedikit berbeza berbanding sebelumnya. Jika dahulunya ramai pemimpin-pemimpin Arab lantang menentang Israel bagi memperjuangkan hak Palestin sehingga sanggup melaungkan api peperangan, namun mutakhir ini ramai pula yang menghulurkan perdamaian dan pengiktirafan terhadap kedaulatan mereka. Israel mengekalkan hubungan diplomatik dengan dua jiran Arabnya iaitu Mesir dan Jordan selepas menandatangani perjanjian damai pada 1979 dan 1994. Pada 2020, Israel menandatangani perjanjian mewujudkan hubungan diplomatik dengan empat lagi negara Arab yang lainnya (Anon t.th.). Berikut adalah senarai negara-negara Islam yang telah menjalin hubungan diplomatik dengan Israel.

Jadual 1.1

Negara	Tahun
Turki	1949
Mesir	1979
Jordan	1994

UAE	2020
Bahrain	2020
Sudan	2020
Moroko	2020

Menurut Raden (2020) dalam kajiannya mendapati bahawa kepentingan negara menjadi faktor utama negara Emiriah Arab Bersatu (UAE) menjalin hubungan diplomatik dengan Israel. Pengaruh Iran yang semakin meluas di rantau Arab menjadi kebimbangan dan ancaman bagi UAE jika tidak dibendung daripada awal. Maka, atas dasar inilah UAE merasakan perlunya untuk menjalin kerjasama pertahanan dengan negara-negara serantau yang lain khususnya Israel yang mempunyai keunggulan dan kecanggihan teknologi pertahanan bagi menyaingi teknologi nuklear Iran yang semakin berkembang. Selain itu, faktor ekonomi turut menjadi pemangkin kepada normalisasi hubungan UAE dengan Israel. Kejatuhan ekonomi yang berpunca daripada Covid menyebabkan UAE perlu mencari peluang untuk membangunkannya semula. Israel yang dilihat sebagai negara paling strategik untuk memacu kembali pertumbuhan ekonomi UAE kerana keduanya telah mempunyai sejarah perdagangan yang cukup baik sebelum ini yang terdiri daripada pelbagai sektor seperti pelancongan, perniagaan, pembuatan dan sebagainya.

Manakala Yulia Rimapradesi & Ahmad Sahide (2021) dalam kajiannya juga mendapati bahawa alasan Bahrain dan Moroko mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel adalah untuk melindungi kepentingan negaranya. Penglibatan Iran yang ketara di Iraq, Syria dan Yaman meningkatkan keperluan negara-negara Teluk Arab terhadap sokongan dan perlindungan Amerika Syarikat. Hubungan yang kukuh dengan Amerika Syarikat dan memperoleh peralatan ketenteraan yang canggih daripada Israel serta memiliki sekutu di kawasan serantau membantu Bahrain menghadapi potensi risiko yang ditimbulkan daripada pengaruh Iran. Bagi Moroko pula, normalisasi hubungan dengan Israel membolehkan wilayah Sahara Barat yang menjadi pertikaian dengan Algeria diiktiraf sebagai sebahagian daripada wilayah negaranya oleh Amerika Syarikat. Selain itu, kepentingan ekonomi juga menjadi faktor berlakunya hubungan diplomatik tersebut. Seperti yang diketahui umum, kebanyakan projek-projek besar dan berimpak tinggi di Moroko dipelopori oleh pelobi-pelobi Israel dan membina hubungan baik dengan Israel sangat penting bagi merencanakan kembali kemelesetan ekonomi Moroko yang disebabkan oleh pandemik Covid-19.

Sudan antara negara yang dahulunya sangat membenci Israel dan menyokong perjuangan Palestin serta negara-negara Arab yang lain melawan Israel. Namun, keputusan Sudan pada tahun 2020 untuk menjalin hubungan diplomatik dengan Israel mengejutkan pelbagai pihak. Faktor utama bagi Sudan untuk menjalin hubungan diplomatik dengan Israel adalah disebabkan kepentingan ekonomi negara tersebut. Amerika Syarikat yang telah memasukkan

Sudan dalam salah satu negara yang menyokong keganasan telah menyebabkan kejatuhan ekonominya kerana negara-negara lain tidak dibenarkan menjalankan sebarang transaksi dengannya. Justeru, langkah Sudan untuk menjalin hubungan diplomatik dengan sekutu utama Amerika itu dilihat sebagai salah satu cara untuk mengeluarkan negara tersebut daripada sekatan ekonomi seterusnya menghapus persepsi negatif di peringkat antarabangsa terhadap negara tersebut yang dituduh menyokong keganasan bagi menstabilkan kembali ekonomi negaranya yang telah lama merudum (Muhammad Bachrul 2021).

#### PANDANGAN ULAMA TERHADAP HUKUM NORMALISASI HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN ISRAEL

Islam adalah agama yang sangat mementingkan perdamaian dan keamanan walau dalam apa situasi sekalipun. Islam ditegakkan atas dasar dakwah dan bukannya melalui peperangan dan paksaan seperti mana yang didakwa oleh musuh-musuh Islam. Buktinya, dalam Islam bukan sahaja ditekankan cara bermuamalat dengan orang bukan Islam bahkan dengan negara-negara kafir juga. Baginda Nabi SAW pernah menjalin hubungan diplomatik dengan negara-negara kafir tanpa menghilangkan sedikit pun prinsip-prinsip Islam yang dibawa. Begitu juga pada zaman pemerintahan *al-Khulafa' al-Rashidin* yang meluaskan lagi hubungan luar negara antara negara Islam dengan negara-negara lain. Menurut H.A. Fuad (2002), prinsip hubungan luar negara menurut Islam adalah menghargai manusia sebagai makhluk yang terbaik, menegakkan keadilan, persahabatan, persamaan, kemerdekaan, menepati janji, toleransi, mencegah kejahatan, menegakkan perdamaian, bukan menyalakan api peperangan dan permusuhan. Jika sesebuah negara itu meniupkan api peperangan dan melancarkan serangan ke atas negara Islam atau menaflukinya, maka wajib bagi seluruh umat Islam untuk bangkit berjihad bermati-matian mempertahankan negara Islam tersebut daripada jatuh ke tangan musuh.

Umum mengetahui bahawa pencabulan Israel terhadap tanah Palestin dan pengusiran penduduknya sentiasa berlaku hari demi hari walaupun pelbagai perjanjian damai telah ditandatangani antara kedua-dua belah pihak seperti Perjanjian Oslo 1993 dan peresfahaman-peresfahaman yang menyusul dari tahun 1994 sehingga 2001. Israel yang terkenal dengan sikapnya yang suka melanggar perjanjian terus menerus menceroboh tanah Palestin tanpa menghiraukan sebarang kecaman daripada pelbagai pihak. Justeru itulah, Zulkifli & Fatimah (2009) dalam karangannya menyatakan haram dan berdosa besar bagi umat Islam untuk mengadakan sebarang perjanjian damai dengan pihak Zionis kerana ia melanggar syiar Islam serta mengkhianati Allah dan Rasul-Nya di samping melanggar etika bernegara. Abdul Hadi Awang dalam

tulisannya turut menyatakan pendirian yang sama iaitu tidak sepatutnya negara-negara Islam menormalisasi hubungan dengan Israel. Hal ini kerana, menurut beliau normalisasi tersebut tidak lain tidak bukan hanyalah akan mengesahkan kewujudan negara haram Israel serta mengiktiraf akan keganasan mereka terhadap umat Islam Palestin. Manakala, pejuang-pejuang Palestin yang bermati-matian mempertahankan kedaulatan tanah air mereka dianggap sebagai pengganas. Selain itu, beliau menambah bahawa normalisasi hubungan dengan Israel oleh negara-negara Arab membuatkan mereka menyerah kalah dan tunduk di hadapan musuh yang nyata yang paling dimurkai oleh Allah SWT (Abdul Hadi 2021).

Selain itu, Majma' al-Fiqh al-Islami pada 2001 juga telah mengeluarkan beberapa ketetapan berkaitan dengan isu Palestin. Antaranya adalah wajib terhadap semua umat Islam untuk berjuang membantu membebaskan Palestin dengan segala kemampuan kerana bumi Palestin adalah hak milik umat Islam di samping menjadi kiblat pertama bagi kaum muslimin dan ia merupakan tanah Israk dan Mikraj baginda Nabi SAW yang dikasihi. Fuqaha' telah sepakat dan bersetuju mengatakan haram bagi umat Islam untuk mengiktiraf sebarang bentuk tindakan penjajah Israel yang telah merampas tanah penduduk Palestin. Selain itu, melakukan sebarang perjanjian damai dengan mereka menunjukkan kita mengiktiraf dan mengakui segala perbuatan jahat mereka selama ini terhadap masyarakat awam yang tidak bersalah sekaligus menjadi sebab untuk mereka terus menerus melakukan kejahatan dan kezaliman. Maka, menjadi satu kewajipan ke atas setiap umat Islam dan pemimpin-pemimpin negara Islam untuk memerangi mereka dengan apa cara sekalipun termasuklah jihad politik dan ekonomi sehinggalah mereka keluar daripada tanah Palestin. Tambahan lagi, para fuqaha' juga telah menyokong perjuangan rakyat Palestin untuk menubuhkan negara mereka yang merdeka di atas keseluruhan tanah Palestin dengan al-Quds sebagai ibu kotanya kerana itu adalah hak mereka. Maka, setiap orang perlu berjuang walaupun terpaksa mengorbankan nyawa untuk mempertahankan bumi Palestin daripada penjajahan Zionis (Majma' al-Fiqh al-Islami al-Duwali 2011).

Namun begitu, terdapat juga beberapa tokoh Islam yang tidak bersetuju dengan pandangan kumpulan pertama tersebut yang menyatakan haram dan tidak dibolehkan sama sekali untuk mengadakan sebarang hubungan dengan pihak Zionis walau dalam apa bentuk dan cara sekalipun apatah lagi mengiktiraf mereka. Syeikh Ibn Bayyah dalam tulisannya membahagikan kaum Yahudi kepada dua kumpulan iaitu Yahudi yang tidak menyokong keganasan dan pencabulan yang telah dilakukan oleh pihak Zionis dan Yahudi yang menyokong tindakan tersebut. Beliau menyatakan bahawa dibolehkan untuk mengadakan apa-apa bentuk perjanjian atau rundingan dengan golongan pertama tersebut lebih-lebih lagi jika ia melibatkan kemaslahatan umat Islam

secara amnya. Bagi golongan yang kedua pula, beliau berpendapat dibolehkan bagi pemimpin negara Islam untuk mengadakan perjanjian atau hubungan dengan pihak Zionis yang menjajah Palestin jika terdapat kemaslahatan kepada umat Islam dan bukannya untuk kepentingan peribadi (Ibn Bayyah t.th.).

Selain itu, Syeikh Ibn Baz dalam fatwanya juga menyatakan boleh untuk mana-mana negara Islam yang mempunyai kepentingan dan *masalah* untuk mengadakan negosiasi dengan Israel. Beliau berpandangan perjanjian Nabi Muhammad SAW dengan musyrikin Makkah dalam perjanjian *Hudaybiyyah* sebagai dalilnya serta beberapa dalil yang lainnya. Manakala, bagi negara yang tidak mempunyai sebarang kepentingan atau kemaslahatan daripada hubungan dengan Israel tidak dibenarkan untuk mengadakan sebarang hubungan diplomatik dengannya seperti Malaysia (Ibn Baz t.th.). Namun, pendapat beliau ini disanggah oleh Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradawi yang mengatakan tidak dibolehkan sama sekali untuk mengadakan sebarang hubungan diplomatik dengan Israel sama ada mempunyai kemaslahatan ataupun tidak. Ini kerana, Israel pada hari ini adalah penjajah yang datang merampas bumi Palestin dan tidak sama dengan kaum Musyrikin pada zaman Nabi yang merupakan penduduk asal Makkah. Selain itu, beliau menegaskan bahawa sebarang hubungan dengan Israel akan meletakkan mereka di zon selesa untuk terus menerus melakukan penindasan dan kezaliman terhadap penduduk Palestin serta berterusan merampas tanah yang bukan hak milik mereka kerana seolah-olah mendapat sokongan daripada negara-negara Islam yang lain. Justeru, beliau berpendapat menjadi satu kewajipan bagi semua pihak untuk terus menentang Israel dengan segala cara sehinggalah mereka keluar daripada bumi Palestin (al-Qaradawi 2014).

#### PERBINCANGAN DAN HASIL KAJIAN

Menurut Ibn Nujaym, *siyasah shar'iyah* bermaksud tindakan pemerintah terhadap sesuatu perkara disebabkan adanya kemaslahatan walaupun ketiadaan dalil *juz'ie* terhadap tindakan tersebut (Ibn Nujaym 1997). Wahbah al-Zuhayli mentakrifkannya sebagai hukum yang digunakan dalam urusan pentadbiran negara dan urusan-urusan mentadbir umat yang bertepatan dengan syariat dan kaedah-kaedah umum serta tercapai tujuannya sekalipun tiada dalil khusus daripada al-Quran dan al-Sunnah (al-Zuhayli 1999). Al-Qaradawi memberi maksud *siyasah shar'iyah* iaitu urusan menguruskan hal ehwal rakyat yang mendatangkan kebaikan kepada mereka yang tertegak di atas kaedah, hukum dan panduan yang telah ditetapkan oleh syarak (al-Qaradawi 1998). Justeru dapat difahami bahawa *siyasah shar'iyah* merupakan tindakan pemimpin dalam menguruskan hal ehwal rakyat dengan melakukan perkara-perkara yang tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip umum, kaedah-kaedah serta panduan-panduan syarak sekalipun ketiadaan nas khusus berkaitan tindakan tersebut.

Dapat difahami daripada pentakrifan itu juga bahawa tindakan tersebut mestilah hanya pada perkara yang mendatangkan kemaslahatan. Adapun tindakan yang mendatangkan kemudaratan tertolak kerana ia jelas bercanggah dengan prinsip-prinsip umum syarak.

Jika sesuatu tindakan itu dilihat mendatangkan kemaslahatan kepada rakyat, maka pada ketika itu diharuskan kepada pemimpin untuk melakukannya kerana dengan melakukan tindakan tersebut akan tertolaklah kemudaratan. Justeru itu, melihatkan kepada perselisihan para ulama berkenaan isu normalisasi hubungan dengan Israel ini, pendapat Syeikh Ibn Baz dan Ibn Bayyah yang mengatakan dibolehkan untuk mana-mana negara Islam yang mempunyai kemaslahatan terhadap negara dan rakyatnya untuk mengadakan negosiasi dengan Israel adalah lebih tepat dengan situasi politik pada masa kini. Pengkaji cenderung memilih pandangan kedua-dua tokoh tersebut kerana ia lebih tepat dengan definisi *siyasah shar'iyah* itu sendiri yang mana ia merupakan tindakan pemimpin terhadap perkara yang mendatangkan kemaslahatan dalam urusan hal ehwal rakyat selagi mana ia tidak bercanggah dengan prinsip umum, kaedah serta panduan syarak. Dalam permasalahan normalisasi ini, adanya kemaslahatan terhadap kepentingan negara dan rakyat seperti kemaslahatan kedaulatan, keselamatan dan ekonomi yang menjadi pendorong kepada pemimpin Mesir, Jordan, UAE, Bahrain, Sudan dan Moroko untuk menormalisasi hubungan dengan Israel (Anna Zakiah & Toni 2022). *Maslahah* ialah perkara yang mempunyai manfaat dan kebaikan kepada individu atau masyarakat sama ada kebaikan di dunia sahaja atau akhirat sahaja atau keduanya dan merupakan dasar bagi mendapatkan manfaat dan kebaikan serta menolak kemudaratan yang bertujuan untuk menjaga *maqasid-maqasid* agama yang lima iaitu agama, jiwa, akal fikiran, nasab keturunan dan harta (Mohammad Nidzam 2012). Selagi mana terbinanya sesuatu tindakan itu di atas kemaslahatan, maka tindakan tersebut adalah selari dengan syarak kerana tujuan syariat itu diturunkan adalah untuk meraikan kemaslahatan dan menolak kemudaratan.

Pendapat al-Qaradawi serta beberapa tokoh yang lain yang tidak membenarkan menjalin hubungan dengan Israel dan menyeru umat Islam melawan mereka tepat jika pada zaman yang mana umat Islam berada pada kemuncak kekuatan tetapi tidak dengan situasi politik dan realiti pada masa kini. Hal ini kerana, keadaan umat Islam yang sangat lemah menyebabkan mereka tidak mempunyai kekuatan sama ada dari segi politik, ekonomi, persenjataan dan sebagainya. Sejarah telah membuktikan bahawa umat Islam masih belum bersedia untuk berperang dengan Israel selain kesemuanya berakhir dengan kekalahan dan kerugian (Sabaruddin 2012). Maka, jika terus mengekalkan tindakan memusuhi Israel bagi negara-negara Islam yang mempunyai kemaslahatan hanya akan mengundang kemudaratan yang lebih besar dan sudah semestinya tindakan tersebut bercanggah dengan konsep *siyasah shar'iyah* itu sendiri. Sebagai

contoh, pertimbangan pemimpin Sudan untuk menjalin hubungan dengan Israel demi kemaslahatan ekonomi adalah selari dengan konsep *siyasah shar'iyah*. Hal ini kerana, jika Sudan terus-menerus menentang Israel hanya akan menyebabkan negara itu berterusan berada dalam krisis ekonomi yang akan memudaratkan rakyat dan sesuatu tindakan yang mendatangkan kemudaratan adalah tidak selari dengan *siyasah shar'iyah*. Sudan yang telah dikenakan sekatan ekonomi oleh Amerika kerana dituduh sebagai negara yang menyokong pengganas telah menyebabkannya kehilangan akses kepada pasaran ekonomi antarabangsa sehingga memicu kepada kejatuhan ekonominya (Muhammad Bachrul 2021). Justeru, pilihan yang ada hanyalah menjalin hubungan dengan Israel bagi membolehkan Sudan keluar daripada sekatan tersebut seperti yang telah dicadangkan oleh Donald Trump. Hasil daripada tindakan tersebut membolehkan Sudan mendapat beberapa manfaat antaranya berjaya menandatangani memorandum persefahaman mengenai penghapusan tunggakan Sudan kepada Bank Dunia sebanyak 1 billion USD sebulan selain membolehkannya mendapatkan semula akses kepada lebih 1 bilion USD pembiayaan tahunan daripada Bank Dunia buat kali pertama dalam tempoh 27 tahun (Mohammed Amin 2021).

Begitu juga dengan tindakan pemimpin UAE dan Bahrain yang menjalin hubungan dengan Israel disebabkan adanya kemaslahatan terhadap keselamatan rakyat dan negara. UAE dan Bahrain yang merupakan negara sunni serta terkenal dengan anti-Iran sangat bimbang akan pengaruh Syiah Iran yang semakin berkembang di rantau tersebut. Tindakan agresif Iran sejak dahulu lagi telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan negara-negara Teluk terutama apabila Iran pernah mencuba untuk menjadikan Bahrain serta tiga pulau yang menjadi rebutan UAE sebagai wilayahnya (Hussein Ibish 2017). Selain itu, komuniti syiah yang besar di Bahrain sekitar 50%-52% daripada jumlah populasi penduduk juga telah menjadikan Bahrain sebagai sasaran mudah Iran untuk mengembangkan pengaruhnya di Semenanjung Arab (Mitchell 2014). Kebimbangan akan pengaruh Iran dikuatkan lagi dengan tindakan Donald Trump menarik diri daripada perjanjian JCPOA yang telah menyebabkan pembangunan senjata nuklear dan persenjataan Iran semakin berkembang (Elijah Powelson 2020). Maka bagi mengekang kemaraan Iran ini, UAE dan Bahrain sudah semestinya memerlukan kepada sokongan daripada negara jiran yang kuat yang setanding Iran seperti Israel dan sekutunya Amerika. Hal ini dapat dilihat apabila UAE berjaya mendapatkan persenjataan canggih yang tidak dimiliki oleh negara Islam yang lain daripada Israel bagi membendung pengaruh Iran di rantau tersebut selepas tindakan normalisasi ini (Alexander Cornwell & John Irish 2022). Maka jelaslah bahawa tindakan menormalisasi hubungan yang dilakukan oleh Sudan, UAE dan Bahrain dengan Israel disebabkan adanya

kemaslahatan untuk melindungi kepentingan rakyatnya dan tindakan ini adalah selari dengan *siyasah shar'iyah*.

Selain itu, antara hujah yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh yang menentang tindakan normalisasi ini adalah wajib berjihad menentang Israel kepada keseluruhan umat Islam kerana telah merampas hak umat Islam. Pada pandangan pengkaji, hujah ini tepat bagi sebahagian umat Islam yang tidak mempunyai apa-apa kemaslahatan tetapi tidak pada sebahagian yang lainnya yang mempunyai manfaat daripada hubungan dengan Israel ini. Tidak dinafikan bahawa hukum asal bagi kafir harbi yang menjajah bumi umat Islam adalah wajib diperangi, namun kaedah *fiqh* ada menyatakan “لا ينكر تغير الاحكام بتغير الا زمان والاحوال” iaitu sesuatu hukum itu boleh berubah berdasarkan kepada berubahnya zaman dan keadaan. Menurut Muhammad Zaidi & Raja Hisyamudin (2008), pengubahsuaian hukum daripada hukum asalnya boleh dilakukan sekiranya mempunyai alasan yang kuat untuk disesuaikan dengan keperluan semasa dan tempat. Beberapa siri peperangan yang berlaku di antara negara-negara Islam dengan Israel telah membuktikan bahawa umat Islam belum mampu untuk memerangi Israel kerana perpecahan yang berlaku selain Israel yang disokong oleh kuasa-kuasa besar dunia serta mempunyai peralatan pertahanan dan ketenteraan yang jauh lebih canggih berbanding negara-negara Islam. Justeru, pengubahsuaian hukum boleh berlaku kepada negara-negara yang berkepentingan terhadap normalisasi ini bergantung kepada keadaan, zaman dan keperluan mereka terhadap tindakan normalisasi ini.

Seterusnya, pengkaji juga melihat bahawa tindakan menormalisasi hubungan dengan Israel ini bukanlah bercanggah sepenuhnya dengan prinsip umum, kaedah serta panduan syarak. Hal ini kerana, tindakan Mesir, Jordan, UAE, Bahrain, Sudan dan Moroko menormalisasi hubungan ini bertepatan dengan konsep *fath al-dhari'ah* yang merupakan salah satu daripada sumber hukum. *Fath al-dhari'ah* membawa maksud membuka pintu dan melakukan perkara-perkara yang boleh membawa kepada *masalahah*, meskipun dari satu sudut ia berkemungkinan membawa kepada *mafsadah* (Luqman Tarmizi 2019). Memang pada hukum asalnya tidak dibolehkan untuk berdamai dengan kafir harbi dan wajib memerangi mereka, tetapi dibuka hukum tersebut daripada dilarang kepada dibolehkan disebabkan adanya kemaslahatan-kemaslahatan yang tertentu untuk melakukannya seperti yang telah dinyatakan.

Kemudian, dalam perbincangan ilmu *fiqh al-awlawiyyat* ada menyatakan bahawa diutamakan kemaslahatan yang lebih besar berbanding kemaslahatan yang lebih kecil (al-Sawsawah 2004). Tidak dinafikan bahawa menolak untuk menormalisasi hubungan dengan Israel mendatangkan kemaslahatan kerana Israel adalah musuh Islam tetapi ia jauh lebih kecil berbanding kemaslahatan untuk

menjaga kebajikan rakyat bagi sebahagian negara. Maka, sudah semestinya bagi seorang pemimpin untuk mengutamakan tindakan kemaslahatan yang lebih besar kerana dengan menolaknya dan mengambil kemaslahatan yang lebih kecil akan mendatangkan kemudaratan. Seorang pemimpin bertanggungjawab terhadap rakyatnya sepertimana yang disabdakan oleh baginda Nabi SAW:

كلكم راع وكلكم مسئول عن رعيته الإمام راع ومسئول عن رعيته

Maksudnya: “Setiap daripada kamu adalah pemimpin dan bertanggungjawab terhadap orang yang dipimpinnya. Imam bertanggungjawab terhadap rakyatnya” [al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab al-Jumu'ah, Bab al-Jumu'ah fi al-Qura wa al-Mudun, No 893].

Wilayah Sinai pada awalnya adalah sebahagian daripada negara Mesir tetapi dirampas oleh Israel dan tidak berjaya ditawan kembali oleh Mesir kecuali selepas menjalinkan hubungan diplomatik dengan Israel. Jika dibiarkan Sinai di bawah pemerintahan Israel akan mendatangkan lebih banyak mudarat iaitu meluaskan lagi tanah jajahan Israel, bertambahnya umat Islam yang diusir daripada tanah air sendiri serta mengancam kedaulatan negara kerana kedudukan Sinai yang hampir dengan ibu kota pentadbiran kerajaan Mesir. Begitu juga dengan Jordan kerana antara sebab Jordan melakukan hubungan diplomatik ini adalah bagi menjamin pemulangan dan kedaulatan tanahnya yang dirampas akibat daripada kekalahan perang, perkongsian sumber air daripada Sungai Jordan dan Sungai Yarmouk antara Jordan dan Israel serta pentakrifan persempadanan negara Jordan yang jelas bagi menamatkan dakwaan palsu Israel yang mengatakan Jordan adalah Palestin (Office of King Hussein 1 t.th.). Maka tindakan pemimpin Mesir dan Jordan menormalisasi hubungan dengan Israel ini jelas bertepatan dengan kaedah *fiqh al-awlawiyyat* tersebut kerana mengambil kemaslahatan yang lebih besar dengan meninggalkan kemaslahatan yang lebih kecil.

Menurut al-Raysuni (2010), tujuan umum bagi sesuatu pensyariatian adalah bagi menjaga lima perkara iaitu agama, nyawa, keturunan, akal dan harta. Normalisasi hubungan dengan Israel oleh negara-negara Islam yang mempunyai kemaslahatan ini boleh dikatakan menepati konsep *maqasid syari'ah* tersebut. *Hifz al-nafs, hifz al-'aql* dan *hifz al-mal* boleh terlaksana dengan tindakan melakukan hubungan diplomasi ini. Penduduk Sinai terpelihara nyawa, harta dan akal mereka kerana tidak lagi berada di bawah penjajahan Israel selepas dipulangkan semula kepada Mesir dalam perjanjian Camp David. Rakyat Palestin yang berada di bawah penjajahan Israel sentiasa terancam nyawa, harta dan fikiran mereka. Buktinya, hampir satu pertiga daripada penduduk Gaza mengalami masalah kesihatan mental akibat daripada kekejaman Zionis (Nor Syariza 2022). Selain itu, rakyat Jordan terpelihara nyawa mereka kerana mendapat bekalan air hasil perkongsian dengan Israel.

Air merupakan keperluan utama bagi seorang manusia untuk terus kekal hidup dan boleh mati tanpanya. Jordan yang terkenal dengan negara yang berpadang pasir dengan sumber air yang sangat terhad bergantung kepada bekalan air yang disalurkan daripada Israel. Begitu juga dengan rakyat Sudan yang dapat memelihara nyawa dan harta mereka berikutan pemulihan ekonomi negara. Negara yang teruk ekonominya akan mencetuskan krisis kewangan seterusnya membawa kepada kekacauan dalam masyarakat dengan peningkatan kadar jenayah seterusnya membawa kepada kebuluran dan kematian. Secara ringkasnya, tindakan pemimpin enam negara tersebut melakukan tindakan normalisasi ini tidaklah haram dan masih bertepatan dengan kaedah syarak kerana ia selari dengan kaedah *fath al-dhari'ah*, *fiqh al-awlawiyyat* dan *maqasid syari'ah* yang merupakan sumber penting dalam perundangan Islam.

### KESIMPULAN

Islam adalah agama bagi sekalian alam dan penutup bagi semua agama samawi. Syariat Islam yang diturunkan oleh Allah SWT kepada umat manusia akan kekal sehingga kiamat kerana sifatnya yang fleksibel yang menjadikannya sentiasa relevan sepanjang zaman serta sesuai untuk semua jenis manusia. Sumber perundangan hukum tidak hanya terhad kepada nas al-Quran dan al-Sunnah semata bahkan juga turut dilihat kepada dalil-dalil yang lainnya seperti *waqi'* atau realiti semasa, objektif syarak, *maslahah*, *fiqh awlawiyyat* dan sebagainya.

Konflik yang berlaku di Timur Tengah di antara Palestin dan Israel belum menunjukkan tanda-tanda akan reda. Konflik ini bukan sahaja melibatkan Yahudi dengan penduduk Palestin, malah turut melibatkan masyarakat Arab dan umat Islam yang lainnya. Perubahan masa dan zaman mencorak bentuk konflik tersebut. Penentangan dan peperangan terhadap negara haram Israel sudah tidak relevan lagi pada masa kini bagi sesetengah negara Islam. Kemaslahatan dan kepentingan yang lebih besar terhadap negara dan rakyat menuntut mereka untuk melakukan hubungan diplomasi dengan Israel. Turki, Mesir, Jordan, UAE, Bahrain, Moroko dan Sudan masing-masing mempunyai kebergantungan terhadap negara Israel bagi mendepani pelbagai cabaran pada masa kini sama ada dari segi keselamatan mahupun ekonomi. Di sebalik keghairahan negara-negara Islam menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara Yahudi itu, terdapat juga beberapa tokoh Islam terkemuka yang membenarkan dan menentang tindakan tersebut dengan berbagai dalil dan hujah.

Namun, melihatkan kepada situasi politik dan ekonomi pada masa kini, tidak menjadi masalah bagi sesebuah negara Islam itu untuk menjalinkan hubungan dengan Israel sekiranya terdapat kepentingan kepada negara dan rakyatnya yang mana tindakan tersebut adalah selari dengan konsep *siyasah shar'iyah* seperti yang telah dibincangkan di atas.

Tetapi, jika sesebuah negara itu tidak mempunyai apa-apa kepentingan atau kemaslahatan, maka tidak dibolehkan untuk menjalinkan hubungan dengan musuh yang telah merampas bumi umat Islam lebih-lebih lagi bumi Palestin yang suci ini beramal dengan hukum asal. Namun demikian, walaupun dibolehkan bagi negara-negara tersebut menjalinkan hubungan diplomatik dengan Israel tetapi ia mestilah dilakukan dalam kerangka prinsip Islam. Ini bermakna, hubungan tersebut bukanlah bersifat kekal tetapi sementara sahaja sehinggalah Islam benar-benar kuat untuk memerangi mereka semula kerana hukum asal bagi kafir harbi adalah wajib diperangi. Selain itu, hubungan yang dibina itu juga mestilah bukan pada perkara yang mungkar seperti membantu atau merestui kezaliman dan kekejaman mereka terhadap umat Islam Palestin.

### RUJUKAN

al-Quran al-Karim.

Abdul Hadi Awang. 2021. Normalisasi Penyelamat Israel. *Harakahdaily*. <https://harakahdaily.net/index.php/2021/11/30/normalisasi-penyelamat-israel/> [2/5/2023].

al-Raysuni, Ahmad. 2010. *Madkhal ila Maqasid al-Shari'ah*. Cetakan pertama. Kaherah: Dar al-Kalimah li al-Nashr wa al-Tawzi'.

al-Bukhari, Muhammad ibn Isma'il. 2001. Sahih al-Bukhari. Muhammad Zahir ibn Nasir (pnyt). Cetakan pertama. Beirut: Dar Tawq al-Najah.

al-Qaradawi, Yusuf. 1998. *Al-Siyasah al-Syar'iyah fi Dau'in Nusus al-Syari'ah wa Maqasidiha*. Doha: (t.pt.).

al-Qaradawi, Yusuf. 2014. *Fatwa Palestin Soal Jawab Berkenaan Isu Pergolakan di Palestin*. Wan Nur Amirah Wan Yusoff (terj). Cetakan pertama. Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd.

al-Sawsawah, 'Abd al-Majid Muhammad. 2004. *Fiqh al-Muwazanat fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Cetakan pertama. Dubai: Dar al-Qalam.

al-Zuhayli, Wahbah. 1999. *Al-Dhara'i fi al-Siyasah al-Shar'iyah wa al-Fiqh al-Islami*. Cetakan pertama. Damsyik: Dar al-Maktabi.

Alexander Cornwell & John Irish. 2022. Exclusive: Israel to sell air defence system to United Arab Emirates. *Reuters.com*. <https://www.reuters.com/world/middle-east/exclusive-israel-sell-air-defence-system-united-arab-emirates-sources-say-2022-09-22/> [19 Jun 2023].

Anon. t.th. Foreign relations of Israel. *Wikipedia*. [https://en.wikipedia.org/wiki/Foreign\\_relations\\_of\\_Israel](https://en.wikipedia.org/wiki/Foreign_relations_of_Israel) [9 Januari 2023].

Anna Zakiah Derajat & Toni Kurniawan. 2022. Normalisasi Hubungan Israel dan Arab dalam Konteks Israel-Palestina. *Jurnal Ilmiah Hubungan Internasional* 18(2): 133-149.

Elijah Powelson. 2020. Explainer: Why Did Bahrain and the UAE Normalize Relations with Israel?. *Institute for Palestine Studies*.



- <https://www.palestine-studies.org/en/node/1650726> [19 Jun 2023].
- Hafidzi Mohd Noor. 2006. *Israel Kenapa Dunia Tidak Boleh Mengiktirafnya Satu Sorotan Sejarah (1917-1948)*. Kuala Lumpur: JIM International & JIMedia Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM).
- H.A. Fuad Said. 2002. *Ketatanegaraan Menurut Syari'at Islam*. Cetakan pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hussein Ibish. 2017. *The UAE's Evolving National Security Strategy*. Washington: Arab Gulf States Institute.
- Ibn Bayyah, 'Abdullah. t.th. La Yumkin Ta'mim Hukum Wahid fi al-Hiwar Ma' al-Yahud. <https://binbayyah.net/arabic/archives/254> [26/11/2022].
- Ibn Baz, 'Abd al-'Aziz. t.th. Ajwibah 'ala As'lah bi Khusus Hukum al-Sulh Ma' al-Yahud. <https://binbaz.org.sa/discussions/84/-اجوبة-على-اسئلة-بخصوص-حكم-الصلح-مع-اليهود> [9 Januari 2023].
- Ibn Nujaim, Zayn al-Din ibn Ibrahim ibn Muhammad. 1997. *Al-Bahr al-Ra'iq Sharh Kanz al-Daqa'iq*. Jilid 5. Cetakan pertama. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Luqman Tarmizi. 2019. Fathu al-Zara'ie: membuka pintu ke arah masalah. *Irsyad Usul Fiqh*. <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-usul-fiqh/3660-irsyad-usul-fiqh-siri-ke-38-fathu-al-zara-ie-membuka-pintu-ke-arah-masalah> [28 Desember 2022].
- Majma' al-Fiqh al-Islami al-Duwali. 2001. Qarar bi Sha'n Ahdath Filistin wa Ghayriha. <https://iifa-aifi.org/ar/2104.html> [13 November 2022].
- Masyrofah. 2015. Fakta Perjanjian Damai dan Hubungan Diplomatik Negara Timur Tengah dalam Proses Perdamaian Konflik Israel-Palestina Pasca Kemerdekaan Palestina. *Jurnal Sosial dan Budaya Syar'i* 2(1): 81-102.
- Maszlee Malik. 2006. *20 Persoalan Asas Palestin*. Cetakan pertama. Kuala Lumpur: JIM International & JIMedia Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM).
- Mitchell A. Belfer. 2014. Iranian Claims to Bahrain: From Rhetoric to Interference. *RIPS* 13(2): 31-51.
- Mohammad Nidzam Abdul Kadir al-Jarumi. 2012. *Fikh Kenegaraan Siyasah Syariah Negara Kontemporari*. Cetakan pertama. Selangor: Pelima Media Sdn Bhd.
- Mohammed Amin. 2021. Sudan Signs Deal to Normalize Relations with Israel. *Anadolu Agency.com*. <https://www.aa.com.tr/en/africa/sudan-signs-deal-to-normalize-relations-with-israel/2100349> [19 Jun 2023].
- Mohd Roslan Mohd Nor & Abdul Qayyum M Suhaimi. 2018. *Intifadah Al-Aqsa Kebangkitan Rakyat Palestin*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhamad Syakir. 2014. *Ensiklopedia Sejarah Palestin & Yahudi Membuka Tadbir Kejahatan -Kejahatan Kaum Yahudi*. Abdullah Sani (terj). Cetakan pertama. Selangor: Pustaka Ibnu Katsir Sdn Bhd.
- Muhammad Bachrul Ulum. 2021. Pro-Kontra Normalisasi Hubungan Diplomatik Israel-Sudan: Antara Kepentingan Nasional dengan Solidaritas Pembebasan Palestina. *Jurnal ICMES* 5(1): 88-107.
- Muhammad Zaidi Abdul Rahman & Raja Hisyamudin Raja Sulong. 2008. Pengaruh Perubahan Dalam Pembinaan Hukum Siyasah Syar'iyah. *Jurnal Syariah* 16(1): 17-31.
- Nor Syariza Muhamad Tahir. 2022. Kesehatan mental penduduk Gaza tenat. *Kosmo*. <https://www.kosmo.com.my/2022/09/06/kesehatan-mental-penduduk-gaza-tenat/> [28 Desember 2022].
- Office of King Hussein 1. t.th. Treaty of Peace Between The Hashemite Kingdom of Jordan And The State of Israel. <http://www.kinghussein.gov.jo/documents.html> [28 Desember 2022].
- Raden Mas Try Ananto Djoko Wicaksono. 2020. Normalisasi Hubungan Uni Emirat Arab dengan Israel: Kepentingan Nasional Versus Solidaritas Negara Muslim terhadap Palestina. *Jurnal ICMES* 4(2): 171-193.
- Sabaruddin Hussein. 2010. *Agenda Yahudi Menaklukkan Dunia Rahsia Di Sebalik Rahsia*. Cetakan pertama. Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd.
- Sabaruddin Hussein. 2012. *Perang Arab Israel Selagi Belum Kiamat*. Cetakan pertama. Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd.
- Yulia Rimapradesi & Ahmad Sahide. 2021. Kepentingan Negara-Negara Arab (Uni Emirat Arab, Bahrain, Sudan dan Maroko) Melakukan Normalisasi Hubungan dengan Israel. *Jurnal Ilmu Hubungan Internasional* 4(1): 67-84.
- Zainur Rashid Zainuddin. 2009. *Palestin Dijajah Di Manakah Solahuddinnya?*. Cetakan pertama. Selangor: Aman Palestin Berhad.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri & Fatimah Syarha Mohd Noordin. 2009. *Palestin Tak Pernah Gentar*. Cetakan pertama. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2018. *Baitulmaqdis Bumi Berkat: Resolusi al-Azhar*. Cetakan pertama. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi Sdn.Bhd.

# Journal of Contemporary ISLAMIC LAW

Volume: 8 Issue: 2

ISSN 2976-3916 eISSN: 0127-788X

DECEMBER 2023



**Published by:**  
Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.  
[www.ukm.my/jcil](http://www.ukm.my/jcil)

eISSN 0127-788X



9 770127 788006

KANDUNGAN / CONTENTS

<b>Keperntingan Amalan Beragama Bagi Warga Emas dan Perlaksanaannya di Pusat Jagaan Terpilih di Malaysia</b>	1-9
<i>The Importance of Religious Practice for the Elderly and Its Implementation in Selected Care Centers in Malaysia</i> Zainursyamimi Zakaria, Zuliza Mohd Kusrin	
<b>Hukum Normalisasi Hubungan Diplomatik dengan Israel Menurut Siyash Shar'iyah</b>	10-18
<i>The Legality of Normalizing Diplomatic Relations with Israel According to Siyash Shar'iyah</i> Mohamad Ridhuan bin Mohd Zawawi, Anwar Fakhri bin Omar	
<b>The Determination of Citizenship for Children Born Aboard International Flights: A Comparative Analysis Under International, Nigerian, and Islamic Legal Frameworks</b>	19-26
Ismail Adua Mustapha	
<b>Analisis Hibah Menurut Tinjauan Fiqh dan Kompilasi Hukum Ekonomi Syariah (KHES)</b>	27-34
<i>Analysis of Hibah (Gift) in the Context of Fiqh and the Compilation of Sharia Economic Law (KHES)</i> Asiah Aqilah Abdul Ghani, Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Zamro Muda, Siti Fatimah Azani	
<b>Kefahaman Belia Muslim Memilih Pasangan Berdasarkan Konsep Kafa'ah Dalam Islam</b>	35-45
<i>Understanding of Muslim Youth in Selecting a Spouse Based on the Concept of Kafa'ah in Islam</i> Zuliza Mohd Kusrin, Ummi Syahirah Razak	
<b>Perlembagaan NGO Islam Di Malaysia: Analisis Terhadap Keperluan Pembentukan Garis Panduan</b>	46-52
<i>The Constitution of Islamic Non-Governmental Organizations in Malaysia: An Analytical Assessment of the Need for Establishing Guidelines</i> Nur Aina Abdulah, Norhoneydatie Abdul Manap	
<b>The Relationship Between Non-Halal Animals and Pandemic Diseases According to the Shafie School of Islamic Law</b>	53-60
Mohamed Faiz Asyraf Razali	
<b>Aplikasi Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah dalam Instrumen Tahanan Pencegahan di Malaysia</b>	61-70
<i>Application of Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah in Preventive Detention Instruments in Malaysia</i> Muhammad Shaiffudin Bin Abu Bakar, Mohd Al Adib Bin Samuri	